

Gempa di Lombok

500 GEGARAN
susulan

387 ORANG
terbunuh

13,000
PENDUDUK
cedera

Topografi Lombok berubah

BH ANADU 12/08/2018
MS 44

➔ Keadaan tanah di lokasi tertentu menaik, menurun

Mataram

Tiga gempa bumi dan ratusan gempa susulan yang melanda Pulau Lombok baru-baru ini mengubah keadaan dan bentuk tanah di lokasi tertentu, khususnya di tempat berdekatan pusat gegaran.

Saintis berkata, ada kawasan tanah yang menaik atau 'terangkat' setinggi 25 sentimeter (10 inci) manakala di tempat lain menurun antara 5

hingga 15 sentimeter (2-6 inci).

Mereka membuat analisis itu berdasarkan gambar Lombok beberapa hari selepas gempa melanda 5 Ogos lalu menggunakan peta imej kawasan berkenaan dan perubahan muka buminya, lapor portal berita, semalam.

Penduduk hilang tempat tinggal

Ratusan ribu penduduk kehilangan tempat tinggal selepas gempa bumi dan 500 gegaran susulan berlaku sejak seminggu lalu dan lebih menyedihkan, penduduk kini berdepan masalah kekurangan bekalan air bersih, makanan dan ubat-ubatan.

Pihak berkuasa berkata, sehingga kini, angka kematian meningkat kepada 387 orang dan jumlahnya dijangka terus bertambah, memandangkan masih ramai mangsa yang terperangkap di bawah runtuhan bangunan serta tanah

runtu.

"Masih ada mangsa yang hilang tidak dilaporkan atau direkodkan di pusat pengumpulan data mangsa.

"Jumlah penduduk yang terpaksa meninggalkan kediaman masing-masing juga sudah mencecah 387,000, manakala kira-kira 13,000 mangsa disahkan cedera," kata jurucakap agensi bencana kebangsaan, Sutopo Purwo Nugroho.

Menurut angka terbaru yang dikeluarkan pihak berkuasa, bahagian yang terjejas teruk akibat insiden itu ialah di utara Lombok, yang mencatatkan 334 kematian, sementara hampir 200,000 lagi terpaksa meninggalkan rumah mereka.

Dua lagi mangsa dilaporkan terbunuh dalam gempa bumi yang melanda pulau Bali yang terletak berhampiran Lombok.

Sementara itu, Sutopo ber-

kata, tempoh operasi memberi bantuan kecemasan turut dilanjutkan kepada 14 hari lagi, bagi memberi peluang kepada pihak berkuasa untuk menangani pelbagai masalah yang wujud di lokasi kejadian.

Ketika ini, ramai mangsa yang berlindung di bawah khemah atau kain yang dipasang di antara binaan runtuh atau pusat perlindungan, manakala kemudahan perubatan turut disediakan untuk merawat penduduk yang cedera.

Bagaimanapun, selepas tiga hari kejadian itu berlaku, ramai mangsa masih belum menerima bantuan, terutama di kawasan pergunungan di utara pulau itu.

"Kebanyakan jalan raya menuju ke utara Lombok musnah teruk akibat gempa bumi, hingga menyukarkan usaha menghantar bantuan kepada mangsa," kata Sutopo.

AFP/AGENSI